



**FARIDAH** bersama *Port Dickson Green Lung*, tapak hutan seluas 161 hektar di sekitar Kilang Penapisan Petron di Port Dickson.

# Petron, UPM kerjasama pulihara biodiversiti, kitar semula sisa

**PETALING JAYA** – Petron Malaysia memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kelestarian alam sekitar untuk jangka panjang.

Ia melibatkan pemuliharaan biodiversiti dan ekonomi kitaran dengan meneruskan inisiatif sedia ada seperti projek penyerapan dan penyimpanan karbon di *Port Dickson Green Lung* serta projek kitar semula sisa buangan kepada produk baharu.

Projek *Port Dickson Green Lung* bertujuan memelihara hutan belantara seluas 400 ekar (161 hektar) di sekitar Kilang Penapisan Petron di Port Dick-

son.

Kawasan berkenaan akan digunakan untuk memperkaya tahap biodiversiti serta kawasan tadahan karbon semula jadi yang menyerap karbon daripada atmosfera untuk meningkatkan kualiti udara bagi penduduk setempat.

Keluasan hutan tersebut bersamaan lebih enam Stadium Narendra Modi iaitu stadium kriket terbesar dunia di India.

Pengurus Besar Petron Malaysia, Faridah Ali berkata, selain daripada memberi sokongan kepada pembangunan ekonomi negara, pihaknya turut menerapkan amalan perniagaan lestari dalam setiap aspek operasi perniagaan syarikat.

“Kerjasama melalui projek *Port Dickson Green Lung* serta kajian sisa pepejal ini telah membuahkan hasil dalam usaha kami untuk pemuliharaan biodiversiti dan ekonomi kitaran,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Bagi menggalakkan ekonomi kitaran, pihak UPM kini dalam proses kajian untuk mengitar semula sisa Bio-Sulphur yang dijana daripada kilang penapisan Petron menjadi bahan tambahan baja.

Di samping itu, mereka juga menyelidik bahan sisa yang dijana daripada Loji Palm Methyl Ester (PME) sawit Petron untuk mencapai objektif yang sama.